



Sekretariat industri halal dan keusahawan UMNO bela usahawan, penggiat industri

Oleh Ahmad Suhael Adnan - Mei 26, 2023 @ 10:01am
ahmad.suhael@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Sekretariat Hal Ehwal Industri Halal dan Keusahawanan UMNO Malaysia yang baharu ditubuhkan, bermesyuarat kali pertama semalam bagi melaksanakan objektif utama penubuhannya menyediakan wadah perjuangan parti membela hal ehwal usahawan dan penggiat industri halal.

Sekretariat itu yang turut bernaam bertujuan memartabatkan ekonomi bangsa Melayu melalui pemeraksanaan usahawan terutama melalui industri halal.

Sekretariat ini juga membabitkan wakil usahawan daripada sektor korporat, wakil NGO selain dari wakil sayap-sayap UMNO dan wakil dari negeri.

Pengerusinya, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata sekretariat itu akan berusaha untuk membantu usahawan dan perniagaan yang memerlukan sokongan bagi memastikan agenda pemeraksanaan ekonomi Bumiputera terus diketengahkan demi melahirkan generasi usahawan Bumiputera yang lebih berdaya saing dalam Malaysia Madani.

Antara teras-teras yang dipersetujui oleh sekretariat ini ialah:

- i. Memastikan kelangsungan hidup Peniaga Mikro.
- ii. Membantu peralihan usahawan daripada syarikat sederhana ke syarikat besar.
- iii. Memacu dan memecut perkembangan syarikat besar ke peringkat global.
- iv. Melahirkan Technopreneur Bumiputera untuk teknologi masa hadapan.

Tengku Zafrul yang juga Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO berkata, dalam mesyuarat itu ahli jawatankuasa sekretariat juga telah bersetuju dengan ketetapan yang berikut :

1. Menggalakkan pembabitan profesional dan usahawan berjaya daripada pelbagai latar belakang dan lapisan umur untuk turut bersama menyumbang idea dan pandangan di dalam sekretariat bagi memastikan agenda sekretariat ini berjaya dilaksanakan.
2. Mengadakan sesi libat urus bersama dengan agensi-agensy yang terbabit secara langsung dalam industri halal dan keusahawanan dalam masa yang terdekat bagi memenuhi kehendak industri dan juga keperluan rakyat.
3. Merangka dan melaksanakan program yang berimpak tinggi kepada pemegang taruh.

"Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi atas kepercayaan melantik saya sebagai pengerusi sekretariat dan Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad sebagai timbalan pengerusi," kata Zafrul yang juga Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri dalam kenyataan hari ini.